

# Cagamas bakal terbit ICP RM500 juta

KUALA KUMPUR 19 Mac - Cagamas Bhd. (Cagamas) akan menerbitkan Kertas Komersial Islamik (ICP) 3-bulan bernilai RM500 juta.

Menurut satu kenyataan di sini hari ini, perbadanan gadai janji kebangsaan itu akan menerbitkan ICP di bawah struktur Komoditi Islamik Murabahah pada 25 Mac ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membeli gadai janji Islamik daripada sistem kewangan.

Katanya, kertas-kertas komersial Islamik itu menerima permintaan kukuh daripada pelabur dengan kadar lebihan

langganan sebanyak 1.7 kali ganda.

"Permintaan pelabur yang sangat menggalakkan itu menunjukkan tahap keyakinan tinggi pasaran terhadap kualiti dan kekuahan struktur di samping rekod lampau Cagamas yang telah terbukti," katanya.

Tambahnya, dengan permintaan baik daripada pasaran terhadap hu-

tang sekuriti berkualiti tinggi, Cagamas berada di landasan tepat untuk mencapai sasarannya menerbitkan sekuriti hutang bernilai RM6 bilion tahun ini.

ICP Cagamas itu boleh ditebus pada nilai nominal penuh sema-

sa tempoh matang dan akan disenarai serta didagangkan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip.